

TARIKH	RABU, 1 FEBRUARI 2023
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	5 TERAS, 10 FOKUS GERAK KERJA
M/S	17
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	



DR Mohd Naim ketika bergambar bersama hadirin di Majlis Perhimpunan Agensi di bawah Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) di Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

5 teras, 10 fokus gerak kerja

Perkenal Pelan Al-Falah jayakan visi gagasan 'Membangun Malaysia Madani'

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) memperkenalkan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia Madani (Al-Falah) dalam usaha menjayakan visi gagasan 'Membangun Malaysia Madani'.

Menterinya, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata proses merangka pelan gerak kerja itu dilakukan melalui libat urus dan kesepakatan ketua agensi

hal ehwal Islam serta wakil semua agensi berkaitan.

Katanya, pelan Al-Falah bagi tempoh lima tahun dari 2023 hingga 2027 itu mengandungi lima teras dan 10 fokus gerak kerja.

Beliau berkata, lima teras meliputi Pentadbiran Islam Mampan, Kesejahteraan Insan, Kemuliaan Syariah, Kepemimpinan Berdaya Cipta dan Kehormatan Institusi Islam itu merupakan inisiatif utama yang sesuai serta praktikal untuk bersama-sama merealisasikan gagasan berkenaan.

"Pelan ini diharap dapat direalisasikan mengikut pe-

rancangan, dan penilaian pertama akan dilakukan dalam tempoh enam bulan selepas pelaksanaannya. Ia diharap akan memberi impak terhadap umat Islam," katanya kepada pemberita pada Majlis Perhimpunan Agensi bawah Jabatan Hal Ehwal Agama, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Hakimah Mohd Yusoff.

Pada 19 Januari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengemukakan kerangka dasar

baharu untuk negara dikenali sebagai 'Membangun Malaysia Madani' yang dirumus bagi mencipta lonjakan baharu kepada negara.

'Membangun Malaysia Madani' menggantikan konsep 'Keluarga Malaysia' ketika pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri sebelum ini, dengan terdiri daripada enam tonggak dasar, iaitu M (kemampanan), A (kesejahteraan), D (Daya cipta), A (hormat), N (keyakinan) dan I (Ihsan).

Mengulas lanjut, Mohd

Na'im berkata, pelan itu dirangka berasaskan falsafah dan semangat laungan azan 'Hayya 'Alal Falah' bermaksud 'mari bersama menuju kejayaan' yang sentiasa lestari dalam jiwa serta minda umat Islam, khususnya pentadbiran jentera pengurusan Hal Ehwal Agama.

Beliau sekali gus mengajak seluruh warga Hal Ehwal Agama untuk berganding bahu membina semula kegemilangan tamadun ummah menerusi landasan konsep 'Malaysia Madani' yang diperkenalkan Anwar.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM